

Keistimewaan biologi Hutan Ulu Muda wajar dipulihara

Prof Emeritus Ibrahim Komoo



Prof Norhayati Ahmad

Ahli Pasukan Bertindak, Kluster Alam Sekitar & Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM) dan Pusat Penyelidikan Langkawi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Malaysia terletak di khatulistiwa mempunyai iklim tropika lembap yang asalnya diliputi hutan belantara. Pembangunan pesat sejak penjajahan Inggeris dan rancangan luar bandar selepas merdeka menyebabkan hampir 50 peratus kawasan hutan tropika bertukar wajah menjadi bandar, penempatan baharu, kawasan industri dan pertanian.

Kita masih mempunyai sekitar 50 peratus lagi kawasan hutan yang diurus di bawah naungan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan dikenali sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Dalam konteks ini, Malaysia antara negara terkehadapan memulihara kawasan hutan berbanding kebanyakan negara maju di dunia.

Kajian saintifik mendapati Malaysia antara 17 negara mega kepelbagaian biologi dunia. Pelbagai spesies tumbuhan dan haiwan menjadikan hutan habitat mereka. Dianggarkan kita mempunyai 15,000 spesies tumbuhan; mamalia

(372); burung (833); amfibia (267); reptilia (397); ikan air tawar (lebih 449); ikan laut (sekurang-kurangnya 1,619) dan sekitar 150,000 spesies invertebrata kebanyakannya serangga.

Sistem pengurusan hutan di negara ini mengikut Sistem Pengurusan Memilih (SPM) yang diperkenalkan pada 1978 bagi menggantikan sistem diperkenalkan Inggeris, iaitu Malayan Uniform System (1949-1977). SPM memberikan tumpuan kepada prinsip pembangunan lestari dalam mencapai keseimbangan antara aspek ekologi, ekonomi dan sosiobudaya. Malaysia beriltizam melindungi 50 peratus tanahnya di bawah liputan hutan ketika Persidangan Rio pada 1992.

Ramal kurang memahami, dasar perhutanan negara memberikan perhatian kepada 'penggunaan lestari kawasan hutan' dan bukannya perlindungan kepelbagaian biologi. Meskipun terdapat kawasan hutan perlindungan/pemuliharaan, sebahagian besar kawasan hutan ialah jenis hutan pengeluaran, iaitu hutan yang boleh dibalok bagi mendapatkan sumber ekonomi. Kerajaan negeri mempunyai hak mengeluarkan hasil hutan dan mendapat faedah ekonomi bagi membiaya peruntukan kewangan bagi mentadbir negeri.

Konflik berlarutan antara pencinta alam, masyarakat madani dan kerajaan negeri adalah apabila tiada maklumat jelas antara kawasan hutan perlindungan dan pengeluaran; kerosakan/pencemaran alam sekitar disebabkan aktiviti pembalakan; pembalakan haram di kawasan hutan perlindungan; pembalakan di kawasan

penempatan Orang Asli; dan kemusnahan/kepupusan habitat penting kepelbagaian biologi. Isu kerajaan negeri boleh mentukar status atau kelas kawasan hutan juga menimbulkan rasa curiga dalam kalangan masyarakat awam.

Kini timbul lagi konflik antara pelbagai pihak dan pentadbir negeri mengenai rancangan pembalakan di Hutan Simpanan Kekal Ulu Muda, Kedah. Isu ini ditimbulkan beberapa kali sejak beberapa tahun terakhir ini. Bagi kerajaan negeri, peruntukan perundangan membenarkan mereka mengeluarkan hasil balak kerana hutan ini dikategorikan sebagai 'hutan pengeluaran'. Semua sedia maklum, Hutan Ulu Muda ialah kawasan tadahan hujan penting bagi membekalkan sumber air kepada negeri jelapang padi terbesar di negara ini.

Banyak usaha dilakukan pelbagai pihak untuk mengenal pasti keistimewaan Hutan Ulu Muda. Jabatan Perhutanan Kedah menganjurkan beberapa siri ekspedisi dan menghasilkan penerbitan kepelbagaian biologi Ulu Muda bersama ahli akademik. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Tabung Alam Malaysia, Sahabat Alam Malaysia, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang turut menganjurkan program kesedaran awam mengenai pentingnya Hutan Simpanan Ulu Muda sebagai hutan tadahan air.

Fungsi hutan ini kepada Kedah penting terutama ketika musim kemarau bermusim, iaitu dari Disember hingga Mac setiap tahun. Beberapa agensi bukan kerajaan menjelaskan hampir 4 juta rakyat bergantung kepada Sungai Muda

berpunca daripada hutan ini. Antara pengguna terpenting ialah Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) yang meliputi kawasan tanaman padi terluas di negara, iaitu lebih 100,000 hektar.

Banyak spesies flora dan fauna di Ulu Muda penting dan istimewa. Sebagai contoh, burung enggang belantara (*Rhyticeros subruficollis*) ialah spesies enggang kesepuluh dicatatkan di negara ini. Spesies hijrah berstatus lemah terancam (*vulnerable*) dalam Senarai Merah Spesies Terancam Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (IUCN) ini hanya direkodkan di kawasan Ulu Muda dan Kompleks Hutan Belum-Temenggor.

Menurut Yeap Chin Aik, penghijrahan enggang belantara bermula dari tengah Thailand menuju ke selatan Thailand dan Kompleks Hutan Ulu Muda serta Belum-Temenggor pada Mei sehingga Disember. Ini bermakna semua 10 spesies enggang Malaysia direkodkan di Ulu Muda, dua daripadanya berstatus terancam, iaitu enggang berkedut dan enggang jambul putih serta lima lemah terancam (enggang belantara, enggang hitam, enggang gunung, enggang badak dan enggang papan), manakala enggang terbang mentua pula terancam teruk. Jumlah keseluruhan spesies burung di situ ialah 305 atau hampir 37 peratus jumlah spesies burung di negara ini.

Ulu Muda juga ialah lokasi penemuan kali pertama spesies katak dinamakan katak licin (*Thelodroma licin*) pada 2001. Sehingga kini, semakin banyak lokasi penemuan spesies ini seperti di Taman Negara Kuala Tahan; Ta-

man Negara Khao Luang, Nakhon Si Thammarat, Thailand; Pulau Perhentian; Bau, Sarawak dan Sumatera, Indonesia. Penemuan spesies katak daripada genus *Chirixalus* juga dilaporkan pertama kali di Ulu Muda. Sebelum ini, taburan katak *Chirixalus* spp hanya di Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam.

Bilangan spesies mamalia pula mencecah 113, dengan beberapa spesies yang juga rentas sempadan seperti cerpeai ketam (*Herpestes urva*). Kebanyakan haiwan mamalia besar pernah direkodkan di Ulu Muda, termasuk harimau, seladang, kambing gurun, rusa, tapir dan gajah.

Kajian Dr Juliana Senawi di Ulu Muda mendapati hampir 20 peratus jumlah spesies kelawar hampir terancam seperti kelawar lubang kayu (*Mops mops*) dan kelawar muka lekok (*Nycteris tragata*) dijumpai di kawasan Hutan Ulu Muda.

Ulu Muda ialah kawasan hutan istimewa disebabkan beberapa faktor: Pertama, salah satu blok kawasan hutan terbesar di utara Semenanjung dan kedua, bersempadan dengan Taman Negara Bang-Lang/Rizab Hidupan Liar Hala-Bala di Thailand.

Ketiga, ia bertindan wilayah zoogeografi Pentas Sunda dan Indochina; keempat, memiliki kepelbagaian biologi sangat tinggi dan keenam, satu-satunya kawasan tadahan air bagi seluruh bahagian utara Semenanjung.

Hutan Ulu Muda mempunyai kepelbagaian biologi tinggi, mempunyai fungsi perkhidmatan ekosistem penting dan hutan reritas negara strategik. Ia seharusnya diwartakan sebagai hutan perlindungan atau Taman Negeri, bukan hanya sekadar hutan pengeluaran.

Pengkelasan Hutan Simpanan Kekal di Malaysia

- Hutan pengeluaran kayu
- Hutan perlindungan tanah
- Hutan tebus guna tanah
- Hutan kawalan banjir
- Hutan tadahan air
- Hutan perlindungan hidupan liar
- Hutan simpanan hutan dara
- Hutan lipur
- Hutan pendidikan dan penyelidikan
- Hutan bagi maksud persekutuan



Hutan Ulu Muda menjadi kawasan tadahan hujan penting bagi membekalkan sumber air kepada negeri jelapang padi terbesar di negara ini.